

**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDOMBAK YANG DIINOVASI  
MEMBERI MANFAAT TERHADAP MASYARAKAT SETEMPAT**

**MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN MZARI**

**C20A11111**

UNIVERSITI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
MALAYSIA  
2024  
KELANTAN



**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDOMBAK YANG DIINOVASI  
MEMBERI MANFAAT TERHADAP MASYARAKAT SETEMPAT**

**MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN MZARI**

**(C20A1111)**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN  
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**UNIVERSITI**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

**KELANTAN**

FYP FTKW

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institusi.

|   |                      |
|---|----------------------|
| / | <b>AKSES TERBUKA</b> |
|---|----------------------|

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

|  |              |
|--|--------------|
|  | <b>SULIT</b> |
|--|--------------|


Mengandungi maklumat sulit di bawah  
Akta Rahsia Rasmi 1972

|  |               |
|--|---------------|
|  | <b>TERHAD</b> |
|--|---------------|

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.



Disahkan Oleh

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 15 FEBRUARI 2024

Nama:

Tarikh:

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirahmanirahim, dengan penuh kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, saya Muhammad Hafizuddin Bin Mzari bernombor matrik C20A1111 dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini dengan penuh jayanya. Terlebih dahulu, jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah bagi kursus CFT4134 Projek Penyelidikan II iaitu , En. Aswawi bin Isa, kerana banyak membantu saya dalam menjalankan projek penyelidikan ini serta berusaha memastikan agar segala penyampaian pengajarannya difahami oleh para pelajar. Segala jasa dan ilmu yang dicurahkan oleh beliau amat saya hargai dan ingati.

Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga, serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan mencetuskan idea sepanjang projek penyelidikan ini disiapkan.

Penghargaan terima kasih juga buat pemberi-pemberi maklumat kepada saya yang tidak jemu dan penat untuk membantu saya menyiapkan projek penyelidikan pada kali ini kerana sudi berkongsi maklumat yang berguna dan banyak membantu saya dalam menyiapkan penulisan ini.

Sekian, terima kasih.

**ISI KANDUNGAN**

| <b>PERKARA</b> | <b>MUKA SURAT</b> |
|----------------|-------------------|
|----------------|-------------------|

|               |     |
|---------------|-----|
| PERAKUAN      | i   |
| PENGHARGAAN   | ii  |
| ISI KANDUNGAN | iii |
| ABSTRAK       | vi  |
| ABSTRACT      | vii |

**BAB 1 PENDAHULUAN**

|                         |       |
|-------------------------|-------|
| 1.1 Pengenalan          | 1 - 3 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 4 - 5 |
| 1.3 Objektif Kajian     | 6     |
| 1.4 Persoalan Kajian    | 7     |
| 1.5 Skop Kajian         | 8     |
| 1.6 Kepentingan Kajian  | 9     |
| 1.7 Kekangan Kajian     | 10    |
| 1.8 Kesimpulan          | 11    |

**BAB 2 Sorotan Kajian**

|                |       |
|----------------|-------|
| 2.1 Pengenalan | 12-14 |
| 2.2 Kesimpulan | 15    |

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|       |                         |       |
|-------|-------------------------|-------|
| 3.1   | Pengenalan              | 16    |
| 3.2   | Reka Bentuk Kajian      | 17    |
| 3.3   | Kaedah Kajian           | 18    |
| 3.4   | Teknik Pengumpulan Data | 19    |
| 3.4.1 | Data Primer             | 19-20 |
| 3.4.2 | Data Sekunder           | 21    |
| 3.5   | Instrumen Kajian        | 22    |
| 3.6   | Analisis Data           | 22    |
| 3.7   | Kesimpulan              | 23    |

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|     |  |  |
|-----|--|--|
| 4.1 | Pengenalan   | 24                                     |
| 4.2 | Maklumat Informan  | 24                                     |
| 4.3 | Mengklasifikasikan Inovasi Alat Muzik Tradisional<br>Gedombak Dalam Meningkatkan Penglibatan<br>Masyarakat   | 25-34                                  |
| 4.4 | Faktor Kekurangan Penggiat Seni Dalam<br>Pembuatan Alat Muzik Gedombak<br>4.4.1 Kos Pengeluaran Yang Tinggi<br>4.4.2 Perubahan Arah Aliran Dan Pilihan Pasaran<br>4.4.3 Ketersediaan Bahan Mentah Yang Terhad<br>4.4.4 Persaingan Dengan Pembuat Alat Muzik Elektronik | 35<br>35-36<br>36-38<br>38-40<br>40-42 |

|   |       |
|---|-------|
| 4.4.5 Tiada Perwarisan Akan Ilmu Pengetahuan              | 42-45 |
| Pembuatan Alat Muzik Traditional                          |       |
| 4.5 Proses Menginovasi Gedombak                           | 46-49 |
| <b>BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>                      |       |
| 5.1 Pengenalan  | 50-51 |
| 5.2 Perbincangan  | 51    |
| 5.3 Cadangan  | 51    |
| 5.3.1 Peranan Individu                                    | 52-53 |
| 5.3.2 Peranan Masyarakat                                  | 53-55 |
| 5.3.3 Peranan Kerajaan                                    | 55-56 |
| 5.3.4 Peranan Usahawan                                    | 57-58 |
| 5.4 Kesimpulan  | 59    |
| <b>RUJUKAN</b>  | 60-61 |
| <b>SENARAI PETA</b>                                       |       |
| Peta 1.1 Peta Daerah Pasir Puteh                          | 8     |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                      |       |
| Gambar rajah 4.1 Pengkaji Menemubual Encik Zainal Abiddin | 45    |
| Gambar Rajah 4.2 Alat Muzik Gedombak Asli Dan Inovasi     | 48    |

**KAJIAN TENTANG ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDOMBAK YANG  
DIINOVASI MEMBERI MANFAAT TERHADAP MASYARAKAT**

**SETEMPAT**

**ABSTRAK**

Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka edisi ke-4, gedombak merupakan sejenis alat muzik dalam keluarga gendang kecil. Tambahan lagi, ianya sering digunakan dalam setiap seni persembahan tradisional seperti Wayang Kulit, Main Puteri dan Mak Yong. Hal ini dapat dilihat alat muzik gedombak mempunyai nilai dan kepentingannya tersendiri. Kaedah kualitatif telah digunakan melalui kaedah pemerhatian dan temubual responden secara terus untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang lebih terperinci. Oleh itu, Kajian ini memberikan perspektif yang penting dalam memahami serta menghargai kepentingan warisan budaya dan seni persembahan melayu.

**Kata kunci:** budaya, sejarah, inovasi, tradisional, seni persembahan

**A STUDY ON THE INNOVATED GEDOMBAK TRADITIONAL MUSIC  
INSTRUMENT BENEFITS THE LOCAL COMMUNITY**

**ABSTRACT**

According to the 4th edition of Dewan Bahasa Dan Pustaka, gedombak is a type of musical instrument in the family of small drums. Furthermore, it is often used in every traditional performance art such as Wayang Kulit, Main Puteri and Mak Yong. It can be seen that the gedombak musical instrument has its own value and importance. Qualitative methods were used through direct observation and interviewing of respondents to obtain more detailed data and information. Therefore, this study provides an important perspective in understanding and appreciating the importance of Malay cultural heritage and performing arts.

**Keywords:** culture, history, innovation, traditional, performing arts

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Selain gaya, rupa, dan permainan tradisional Melayu, seni muzik adalah salah satu cabang seni tradisional Melayu. Istilah "muzik" menjadi popular selepas unsur-unsur Barat masuk. Muzik ialah bunyi atau sesuatu yang sedap didengari yang dicipta secara sengaja oleh seseorang atau kumpulan. Muzik adalah satu fenomena yang sangat unik; ianya juga boleh dibunyikan dengan gabungan beberapa alat untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Walau bagaimanapun, tiada siapa yang benar-benar tahu dari mana muzik ini berasal, walaupun melihat sejarah muzik dunia. Seseorang berpendapat bahawa pada 100 hingga 180 ribu tahun dahulu, manusia hanya boleh menikmati diri mereka dengan mendengar bunyi seperti ombak, angin, geseran daun dan kicauan burung.

Kekerapan mendengar muzik membuatkan mereka semakin terpikat dengan irama dan kesyahduan suara alam setiap kali mereka mendengarnya. Suara manusia adalah suara muzik tertua dalam sejarah seni muzik. Manusia boleh meniru suara haiwan dan makhluk alam. Orang boleh bersiul dan melagukan suara mereka dengan nada yang tinggi atau rendah ketika mereka marah atau sedih. Lenggokan dodoian yang dibuat oleh seorang ibu semasa menidurkan anaknya menunjukkan bahawa irama yang berasal daripada suara manusia sebenarnya boleh diolah. Alat muzik tradisional banyak dihasilkan daripada idea spontan. Tambahan lagi, ianya bermula dengan melaga-lagakan tempurung kelapa atau biji labu di dalam bekas, meniup

tulang kaki haiwan yang telah kering sehingga terhasil bunyi. Kemudian, mereka mulai mengorek lubang pada kayu dan meniup sehingga terhasilnya bunyi.

Alat flut klasik adalah nama lain untuk instrumen muzik ini. Banyak alat muzik telah dibuat dari semasa ke semasa sejak muzik diperkenalkan kepada masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, alat muzik seperti rebab tiga tali, gendang, serunai dan gong dianggap sebagai milik eksklusif masyarakat Melayu dan telah diajar secara turun temurun sejak berkurun lamanya. Pengaruh Timur Tengah telah memberi kesan kepada pembuatan alat gendang di Malaysia sejak zaman kesultanan Melayu Melaka semasa penyebaran agama Islam. Alat muzik seperti kompong, jidor, nekara, rebana, maruas, gedombak, dan beduk dicipta semasa perniagaan dan penyebaran agama Islam di wilayah ini. Justeru, hal ini telah menambah nilai dan memperkayakan lagi budaya Melayu. Alat muzik gedombak, yang dimainkan dalam wayang kulit, mempunyai persamaan dengan alat muzik dari Iran, yang dipanggil dombak atau zarb. Kompang, yang dimainkan di Iran, dipanggil daira, dan di Syria, ia dipanggil duff. Tetapi kerana ia telah diasimilasikan atau disebatikan ke dalam bentuk muzik tradisional tempatan yang lebih sesuai dengan latar belakang budaya tempatan, unsur-unsur ini sudah diterima oleh semua orang.

Gedombak dalam bahasa Arab disebut "Darabuka", "Deblak" (Turki), "Thon" (Siam). "Dombak" (Persia). Gendang ini adalah gendang berbentuk cerucut dengan kepalanya bulat besar diletakkan kulit kambing, sedangkan ekornya terbuka kerana bunyi gedombak dikawal dengan cara membuka dan mengatupkannya. Dibeberapa negeri-negeri Melayu gedombak ini hanya dipakai dalam muzik "Menora" dan "Wayang Kulit" (Kelantan, Petani), tetapi di Riau dan di Serdang (Sumatera

Timur) dahulu gedombak dipakai juga dalam muzik “Makyong”. Gedombak besar disebut “ibu” dan yang agak kecil disebut “anak”. Gedombak merupakan sejenis alat muzik dalam keluarga gendang, yang mempunyai bingkai kayu dan bertutup dengan belulang pada bukaan besar. Gedombak biasanya dimainkan secara duduk, dengan gedombak diletakkan di bawah ketiak.

Gedombak dimainkan dengan memalunya secara langsung menggunakan tapak tangan. Gedombak juga dimainkan secara berkumpulan bersama-sama beberapa peralatan muzik tradisional yang lain. Bahannya terdiri daripada kayu nangka, kulit dan rotan. Ukurannya adalah sepanjang 45 cm, garis menengah pangkal 25 cm dan garis menengah ujung 15 cm. Secara umumnya alat muzik ini boleh dianggap sebagai warisan budaya bangsa dan selayaknya diterima sebagai satu lagi artifak berharga yang perlu dipelihara selain diperluaskan fungsi dan kegunaannya. Keunikan pembuatan dan penciptaannya sendiri telah membuktikan tentang kehebatan, kepakaran dan ketelitian pemikiran sesuatu bangsa itu sendiri. Selain sebagai medium luahan naluri manusiawi, ianya juga merupakan warisan tradisi.

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini meneroka tentang cara untuk menarik minat masyarakat akan alat muzik gedombak sudah tidak mendapat perhatian daripada masyarakat setempat untuk dimainkan dalam setiap upacara atau persembahan yang dilangsungkan. Hal ini, sangat membimbangkan kerana gedombak merupakan salah satu unsur penting dalam melengkapkan irama sesebuah lagu seperti lagu bertabuh, perang dan seangkatannya. Secara umumnya, peralihan budaya dan nilai masyarakat boleh menyebabkan kemerosotan minat terhadap tradisi tempatan, termasuk seni pembuatan alat muzik tradisional. Generasi muda sangat terdedah kepada budaya pop global yang dominan, menyebabkan mereka kurang berminat atau menghargai warisan budaya tempatan. Tambahan lagi, dalam masyarakat yang semakin moden dan terhubung secara global, generasi muda mungkin lebih tertumpu pada gaya hidup yang lebih moden. Di samping itu, mereka mungkin melihat seni pembuatan alat muzik tradisional sebagai ketinggalan zaman atau tidak relevan dengan kehidupan mereka.

Faktor lain, penggiat seni yang membuat alat muzik tradisional mungkin tidak menerima anugerah atau pengiktirafan yang mencukupi daripada masyarakat atau kerajaan. Kurangnya penghargaan terhadap karya mereka boleh membuatkan anak muda merasakan bahawa menjadi artis dalam bidang ini tidak berbaloi dan tidak memuaskan. Membuat alat muzik tradisional selalunya tidak menjana pendapatan yang stabil atau cukup bagi memenuhi keperluan hidup. Generasi muda boleh memilih untuk meneruskan kerjaya atau peluang ekonomi lain yang dianggap lebih menguntungkan dari segi kewangan. Kekurangan akses kepada pendidikan formal atau latihan dalam seni pembuatan alat muzik tradisional boleh menyukarkan

golongan muda untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan. Tanpa pendidikan yang mencukupi, mereka mungkin tidak berasa yakin untuk meneruskan amalan tersebut.

Seterusnya faktor lain, gaya hidup bandar yang sibuk dan moden boleh menyebabkan golongan muda kurang masa atau minat untuk belajar dan mengembangkan kemahiran dalam seni pembuatan alat muzik tradisional. Selain itu, membuat alat muzik tradisional selalunya melibatkan proses yang kompleks dan memerlukan kemahiran yang tinggi. Generasi muda mungkin berasa gentar akan tahap kesukaran mempelajari seni pembuatan ini. Perkembangan teknologi telah mengubah cara kita berinteraksi dengan muzik dan alat muzik. Generasi muda lebih meminati alat muzik digital atau teknologi moden berbanding alat muzik tradisional yang dianggap ketinggalan zaman atau tidak setanding dengan ciri-ciri canggih yang ditawarkan oleh teknologi moden.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Di dalam bahagian ini pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif utama dalam kajian bagi menjawab permasalahan kajian:

- 1) Mengklasifikasikan inovasi alat muzik tradisional gedombak dalam meningkatkan penglibatan masyarakat
- 2) Mengkaji faktor kekurangan penggiat seni dalam pembuatan alat muzik gedombak
- 3) Menganalisis proses menginovasi gedombak

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan tentang alat muzik gedombak semakin tidak mendapat minat di hati para pemuda di negara ini. Tambahan pula, jika permasalahan tersebut tidak diselesaikan dengan cepat dan sebaik mungkin maka alat muzik gedombak akan dilupakan serta pupus daripada ingatan masyarakat umum.

- 1) Bagaimanakah inovasi alat muzik tradisional gedombak dalam meningkatkan penglibatan masyarakat?
- 2) Apakah faktor kekurangan penggiat seni dalam pembuatan alat muzik gedombak?
- 3) Bagaimanakah proses menginovasi gedombak?

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dapat menggambarkan ruang lingkup kajian yang membolehkan pengkaji menjalankan penyelidikan dan kajian. Sepertimana dapat dilihat pada gambar rajah skop kajian yang akan dilakukan adalah bertempat di pasir puteh, kelantan. Alat tradisional gedombak ini tidak lagi banyak dibuat dan hanya tinggal beberapa tempat di kelantan antaranya di pasir puteh.



Peta 1.1: Peta Daerah Pasir Puteh

Sumber: Portal Rasmi Majlis Daerah Pasir Puteh (2022) pada 1 Januari 2022

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan alat muzik gedombak yang kian dilupakan masyarakat umum. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada umumnya masyarakat mengetahui akan alat muzik tradisional lain tetapi kurang mengetahui tentang kewujudan alat muzik gedombak. Tambahan lagi, alat muzik gedombak merupakan alat muzik tradisional yang paling kurang dikenali berbanding alat muzik tradisional lain. Di samping itu, ramai yang tidak tahu bahawa di pasir puteh masih mempunyai tempat pembuatan alat muzik gedombak.

Seterusnya, kepentingan kajian terhadap individu adalah dapat mewujudkan rasa minat untuk mengenali serta mempelajari pembuatan dan bermain alat muzik gedombak. Kepentingan ini turut memberi impak yang positif dalam mempromosi alat muzik gedombak. Di samping itu, juga kepentingan kajian ini terhadap masyarakat pula memberikan peluang pekerjaan bagi mereka yang sangat mencintai senipersembahan. Selain itu, kepentingan kajian terhadap negara pula dapat mempromosikan tradisi masyarakat melayu kepada pelancong asing yang datang ke negara ini.

## 1.7 KEKANGAN KAJIAN

Pengkaji berkemungkinan akan menghadapi isu semasa menjalankan kajian ini dari segi melaksanakan kajian. Terdapat beberapa isu yang boleh timbul, seperti masa. Hal ini berlaku kerana pengkaji mempunyai masa yang terhad untuk menyiapkan kajian ini kerana mereka masih diwajibkan mengikuti kelas sepenuh masa dan perhatian mereka tidak dapat ditumpukan sepenuhnya kepada tajuk yang diteliti. Pengkaji juga perlu melepas halangan untuk mengetahui lebih lanjut tentang subjek kajian.

Masalah dengan kajian lapangan dan temu bual adalah potensi kesukaran tambahan yang mungkin dihadapi oleh penyelidik. Isu ini timbul akibat pihak pengkaji ingin menemu bual pihak yang berkaitan tetapi pihak tersebut tidak memberikan kerjasama tetapi dan tidak memberi komitmen yang dimahukan. Hal ini, disebabkan oleh fakta bahawa sesetengah orang yang ditemu bual mungkin teragak-agak kerana mereka tidak biasa untuk merakam suara atau video mereka, yang akan menyukarkan lagi mereka untuk memberikan penyelidik maklumat jelas yang mereka perlukan.

Mengenai sumber maklumat dan kajian, pengkaji berkemungkinan menghadapi halangan bahasa kerana penulisan yang digunakan untuk kajiannya adalah sepenuhnya dalam bahasa Melayu, tetapi rujukan yang digunakan adalah dalam bahasa Inggeris.

## 1.8 KESIMPULAN

Bagi membantu pengkaji mengehadkan kajian yang dikaji, pengkaji telah memberikan penjelasan tentang tajuk kajian yang akan dijalankan, ulasan tentang pengenalan kajian ini, beberapa maklumat latar belakang tentang lokasi kajian ini, dan beberapa maklumat latar belakang tentang lokasi kajian yang dikaji. Penyelidik juga telah membentangkan isu dan pertanyaan kajian yang timbul hasil daripada membangunkan tajuk penyelidikan. Penyelidik telah mengisyiharkan sehingga tiga objektif kajian untuk membantu kesukaran dan pertanyaan kajian.

Semua maklum bahawa untuk menghasilkan sebuah alat muzik tradisional adalah tugas yang sangat mencabar. Bahan yang akan digunakan mesti berkualiti tinggi dan tidak mudah didapati. Tambahan lagi, tidak ramai yang bersedia untuk membuatnya. Selain itu, menghasilkan alat muzik tradisional mengambil masa yang agak lama. Bukan sekadar menyelesaikannya, tetapi kualiti yang tinggi sangat diutamakan.

Pelan perancangan di atas kertas diperlukan untuk pembuatan produk gedombak dan alat muzik tradisional lain. Tujuan utama membuat pelan adalah untuk melakarkan dan mendapatkan idea awal tentang bentuk yang ingin dibuat dengan mengambil kira saiz alat muzik gedombak yang ditetapkan. Tambahan lagi, dengan menggunakan proses lakaran, tukang pembuat alat muzik boleh mengukur bahan seperti kayu dengan mudah dan mengelakkan pembaziran daripada berlaku.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang berkait rapat dengan tajuk pengkaji. Hal ini kerana, tajuk kajian, "Pembelajaran Alat Tradisional Gedombak Pada Persembahan Wayang Kulit di Kelantan," akan membantu pengkaji memahaminya dengan lebih baik. Selain itu, melakukan sedikit penyelidikan terhadap kajian sebelumnya juga boleh membantu penulis mendapatkan maklumat saintifik tentang tajuk penyelidikan. Selain itu, melihat kajian terdahulu boleh membantu pengkaji mengenal pasti isu baharu yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Pengkaji telah menjalankan pelbagai kajian mengenai alat muzik tradisional, terutamanya yang berkaitan dengan alat muzik tradisional gedombak wayang kulit, seperti perkusi dan beberapa jenis alat muzik tradisional lain. Ini disebabkan oleh fakta bahawa tiada kajian yang lebih khusus telah dijalankan mengenai gedombak, alat muzik tradisional. Oleh itu, beberapa kajian terdahulu telah dijalankan oleh beberapa pengkaji yang berbeza, dan masing-masing telah dikaji dari sudut pandangan dan elemen kajian yang berbeza.

Proses pembuatan alat sluto akan menjadi tumpuan kajian ini. Pengkaji juga akan mengkaji cara alat itu berfungsi. Sistem tatatanda Barat akan dibentuk selepas itu. Pengkaji juga akan mengkaji bagaimana alat itu berfungsi. Untuk menentukan sama

ada terdapat persamaan dan perbezaan dalam alat muzik Silutuong tradisional, lihat perbezaan antara cara ia dibuat dan cara pemuzik turul Silutuong melihatnya. Untuk mengelakkan arus masa terperangkap, pengkaji berharap dapat menarik minat generasi muda terhadap instrumen siulituong tradisional yang ringkas ini. Ini boleh dikaitkan dengan alat gedombak tradisional yang digunakan dalam persembahan wayang kulit untuk membolehkan generasi muda mempelajarinya dan untuk memastikan muzik dalam budaya wayang kulit tidak ketinggalan zaman.

Selain itu, kajian terdahulu telah menumpukan pada kemahiran bermain alat muzik tradisional lain. Berdasarkan kajian Kamarudin Yusuff (2008), "Kemahiran Bermain Seruling Dalam Pengajaran Muzik Tradisional Wayang Kulit di Kelantan." Terdapat kenyataan mengenai sukanan pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Komprehensif Sekolah Menengah (KBSM), yang bertujuan untuk memberikan pelajar pengalaman muzik yang lebih mendalam serta pemahaman tentang nilai estetika. Muzik tradisional, seperti Wayang Kulit dan Mak Yong, adalah tumpuan kursus ini, kerana generasi muda mesti mempelajari dan menghayati seni muzik rakyat. Apabila seseorang berlatih bermain alat muzik secara ensembel, terdapat juga pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya, apabila mereka memainkan alat idiomatik, mereka akan mempelajari bentuk-bentuk irama asas. Kemudian, mereka akan mempelajari irama yang lebih mendalam dan lebih kompleks, dan mereka akan secara beransur-ansur beralih daripada gendang ke gendang dan alat gendang yang lain (Matusky 1993).

Melalui kajian berjudul Muzik Tradisional Tarian Rakyat Perak: Satu Pendekatan Etnomusikologi (Mohd Azam Sulong et al., 2013), analisis muzik memfokuskan kepada penggunaan alat, corak irama yang mengiringi melodi dan

muzik tarian. Ini dikaitkan dengan penggunaan alat tradisional, serta tarian dan muzik tradisional. Selain itu, alat muzik gedombak mempunyai irama yang unik.

Mohd Hasan Abdullah (2015), The spectrograms of gedombak (goblet drum) in Ensembel Wayang Kulit (Lakonan wayang kulit) merupakan percubaan awal untuk meneroka potensi sesuatu trogram sebagai tatananda performatif. Gedombak ditunjukkan sebagai lajur besar yang dijarakkan secara tetap. Hal ini menjelaskan bahawa, alat muzik gedombak mempunyai garis trogramnya yang tersendiri berbanding alat muzik tradisional lain.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 2.2 KESIMPULAN

Secara umumnya, sorotan kajian ini adalah kertas kerja yang diperlukan untuk memberikan spesifik tentang kajian atau kaedah rujukan yang terdapat dalam buku, jurnal, artikel, majalah, internet, dan sumber rujukan luar yang lain. Pengkaji boleh menganalisis dapatan kajian dan meneliti metodologi kajian dengan melihat tafsiran kajian lepas penyelidik lain terhadap tinjauan literatur mereka, yang menjadi asas kepada kajian literatur. Kajian ini merupakan rumusan kajian beberapa maklumat daripada kajian semasa dan kajian lepas.

Di samping itu, kajian terdahulu telah disusun mengikut subjek dan melaporkan penyelidikan. Selain itu, dokumen yang diperlukan untuk penyelidikan "cadangan" yang dibincangkan dalam bab ini ialah penyelidikan lepas. Oleh itu, perbezaan pendapat dengan pengkaji terdahulu membolehkan pengkaji memahami secara keseluruhan subjek kajian. Selain itu, perspektif ini boleh digunakan sebagai panduan supaya penyelidik dapat menumpukan perhatian mereka kepada topik penyelidikan mereka. Fokus kajian ini membantu pengkaji mendapatkan maklumat tentang gedombak. Selain itu, sorotan kajian membantu pengkaji memahami topik kajian dan kaedah yang boleh digunakan berdasarkan data kajian terdahulu.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Di bahagian bab ini, pengkaji akan menjalankan beberapa cara pemerolehan dapatan kajian mengenai metodologi, kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat terhadap kajian. Metodologi kajian ialah merupakan bentuk atau langkah bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih jelas supaya dapat menyokong terhadap sesuatu kajian. Metodologi menentukan cara terbaik untuk menjawab persoalan kajian dan jenis kaedah kerja yang sesuai. Selain itu, kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data, pencarian data, dan analisis data disertakan dalam bab ini. Bab ini kemudiannya menerangkan cara pengkaji mendapatkan dan menganalisis data yang sah. Oleh itu, bab ini juga membincangkan perkara mengenai kaedah penyelidikan, seperti reka bentuk kajian, kaedah, soal selidik, dan sebagainya. Selain itu, bab ini akan membincangkan metodologi kajian, dengan penekanan khusus pada kaedah yang boleh digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data dalam kajian ini (Haron, 2010). Selain itu, kaedah ini akan menumpukan pada matlamat kajian dan mencapai kesimpulan yang kukuh.

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menunjukkan cara kajian akan dijalankan. Metodologi dan reka bentuk kajian juga menentukan keputusan kajian. Tinjauan akan digunakan untuk menentukan reka bentuk kajian ini. Pengkaji ini memilih pendekatan reka bentuk kajian kualitatif. Penyelidikan menggunakan metodologi kualitatif ini untuk mendapatkan data terperinci dan tepat tentang pembolehubah persekitaran penyelidikan. Seterusnya, ianya juga menjawab persoalan pengkaji. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif untuk mencari dan mengumpul maklumat yang berkaitan dengan subjek yang dikaji. Hal ini, termasuk istilah konsep dan istilah lain yang memberikan penerangan tentang konsep. Selain itu, reka bentuk kajian ini juga termasuk prosedur untuk mengumpul data secara sistematik berdasarkan program tertentu dan berdasarkan idea yang dibentuk oleh rangkaian hubungan antara pembolehubah kajian (Kerlinger, 1970).

Selain itu, kaedah ini merujuk kepada kedua-dua kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian dan prosedur atau kaedah yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Pengkaji juga mencipta rangka kerja yang menggabungkan pelbagai kaedah yang digunakan semasa menjalankan kajian. Pemerhatian, temu bual dan perpustakaan adalah beberapa kaedah pengumpulan data primer dan sekunder yang digunakan. Kaedah ini membolehkan penyelidik mempunyai akses yang baik kepada data dan maklumat, dan ia membantu mereka menyelesaikan penyelidikan mereka. Data yang dikumpul akan digunakan untuk pembelajaran.

### 3.3 KAEADAH KAJIAN

Kaedah kajian ini merupakan satu cara pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Data dikumpul mengikut subjek kajian yang telah dipilih. Sejauh mana matlamat atau persoalan kajian tercapai, menurut Ahmad Mazhab Ayob (1982: 19), metodologi penyelidikan digunakan untuk mengumpul maklumat dan data terkini mengenai tinjauan. Teori pembelajaran bahasa, prosedur pengumpulan data, dan prosedur analisis data adalah semua aspek yang biasanya dikaitkan dengan kaedah penyelidikan. Oleh itu, untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci, kaedah yang telah dipilih telah digunakan. Selain itu, untuk menambah pengetahuan tentang subjek kajian, inovasi dalam instrumen gedombak dalam meningkatkan penglibatan masyarakat, pelbagai kaedah telah digunakan. Objektif kajian yang dipilih, iaitu pembuatan alat muzik gedombak inovasi, faktor kekurangan pembuat alat muzik gedombak dan kesan inovasi dalam meningkatkan penglibatan masyarakat, adalah tumpuan kajian. Di samping itu, kaedah kajian iaitu data primer dan sekunder adalah dua kaedah utama yang boleh digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat terperinci untuk menyiapkan kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.4 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data ialah proses penting dalam penyelidikan yang melibatkan pengumpulan maklumat atau fakta yang berkaitan dengan matlamat tertentu. Dalam konteks penyelidikan, pengumpulan data merupakan langkah pertama yang penting kerana data yang diperoleh akan menjadi asas untuk analisis, tafsiran dan membuat kesimpulan. Proses pengumpulan data hendaklah dijalankan dengan teliti dan sistematik bagi memastikan data yang diperolehi adalah tepat, relevan dan boleh dipercayai faktanya.

#### 3.4.1 DATA PRIMER

Pengumpulan data primer dan rujukan data sekunder adalah dua kaedah operasi utama kajian. Data primer untuk kajian ini dikumpul melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan soal selidik. Data yang dikumpul akan diperiksa dan diteliti agar membolehkan penyelidik merujuknya selepas itu.

##### a) Temu Bual

Kaedah temu bual lebih kepada visual dan audio. Kaedah ini dilakukan secara *face to face* diantara penemubual dengan responden. Kaedah ini membantu pengkaji untuk mengumpul maklumat dengan lebih mendalam dan secara terperinci. Dalam kajian ini juga penyelidik akan menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan untuk mendapatkan

hasil berdasarkan matlamat yang dinyatakan. Tambahan lagi, pengkaji akan menemubual Encik Lan yang berasal daripada pasir puteh, kelantan merupakan pakar dalam pembuatan alat muzik tradisional yang masih giat dalam bidang seni pembuatan tersebut.

### **b) Pemerhatian**

Dalam kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan membuat pemerhatian di kawasan persekitaran Encik Zainal Abiddin untuk mendapatkan maklumat kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat membuat analisis persekitaran dan tingkah laku berpandukan tujuan kajian.

### **c) Soal Selidik**

Penyediaan pelbagai jenis soalan dalam bentuk lisan. Terdapat beberapa soalan yang akan digunakan dalam mendapatkan maklumat ialah penggunaan Skala Likert (1932), Skala Gutman (1944), dan Skala Thurstone (1923). Kesemua skala ini di perlukan bagi memudahkan responden untuk memberi jawapan berdasarkan pilihan jawapan yang di sediakan.

### 3.4.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder ialah data yang mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber yang melibatkan internet, jurnal, artikel dan sebagainya untuk mencari maklumat tambahan. Sehubungan dengan itu, data ini dapat dikumpul dengan mudah dan cepat kerana mempunyai banyak bahan yang mudah didapati khususnya topik-topik yang hendak dikaji.

#### a) Jurnal

Sumber yang dicari melalui jurnal-jurnal yang berkaitan dengan pelancongan warisan membantu pengkaji mencari maklumat dengan lebih jelas melalui kajian-kajian lepas daripada pengkaji lain. Sumber maklumat ini juga memberi manfaat dan faedah kepada pengkaji kerana ianya memberi ilmu tambahan yang lebih mendalam semasa membuat penyelidikan.

#### b) Sumber Internet

Internet memainkan peranan yang sangat penting kepada pengkaji untuk mengakses laman web untuk mencari info-info terkini. Pengkaji akan memperoleh maklumat dengan mudah dan cepat dengan adanya rangkaian internet yang stabil.

### 3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ialah pengkaji menggunakan peralatan yang diperlukan semasa menjalankan kajian. Antara peralatan yang diperlukan bagi pengkaji ialah pen dan juga buku catatan untuk mencatat segala maklumat yang diperlukan semasa menemu bual responden. Selain itu, telefon pintar juga diperlukan bagi merekod video atau rakaman suara bagi rujukkan pengkaji.

### 3.6 ANALISIS DATA

Di bahagian ini, pengkaji dapat membuat analisis dengan menghuraikan dan menyelesaikan masalah kajian mengikut tingkah laku daripada awal hingga akhir. Pengkaji akan menemu bual responden dan mendapatkan jawapan dan pandangan daripada responden tertentu supaya pengkaji dapat membuat analisis berdasarkan video atau rakaman yang telah direkod oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji haruslah memindahkan jawapan menjadi data supaya pengkaji dapat menentukan tema yang ingin ditetapkan. Di samping itu, pengkaji haruslah mengambil tahu mengenai kajian-kajian lepas untuk mendapatkan data tambahan dan tepat tentang kajian. Akhir sekali, pengkaji heruslah menyusun maklumat yang penting mengikut kesuaian tema.

### 3.7 KESIMPULAN

Rumusan bagi bab ini, sebelum menjalankan kajian, teknik yang digunakan adalah jelas sangat penting. Hal ini, adalah supaya kualiti kajian dapat menjelaskan dengan tepat dan cepat dalam menyelesaikan objek, masalah dan persoalan kajian. Selain itu, pengkaji juga telah memilih sumber tambahan bagi mencari maklumat daripada kajian lepas dan internet bagi mengenalpasti topik serta isu yang ingin dikaji secara tepat dan lebih efisien. Bab ini menerangkan reka bentuk kajian dan kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan kajian berkaitan tajuk kajian.

Selain itu, kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data, pencarian data, dan analisis data disertakan dalam bab ini. Selain itu, pengkaji memberikan penjelasan tentang metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian, dan objektif kajian adalah untuk menjelaskan cara pengkaji mendapatkan data kajian. Seterusnya, bincangkan cara kaedah penyelidikan dikaitkan dengan reka bentuk dan kaedah penyelidikan.

Di samping itu, untuk mendapatkan maklumat dan bahan penyelidikan yang betul, kaedah data primer dan sekunder telah digunakan. Oleh itu, adalah penting bahawa teknik digunakan oleh penyelidik untuk rujukan yang lebih komprehensif. Melalui kepelbagaian kaedah, ianya secara tidak langsung akan memudahkan latihan pengkaji tentang cara pembuatan instrumen gedombak inovasi. Tambahan lagi, ianya juga akan menunjukkan faktor kurangnya pembuat instrumen gedombak tradisional dan kesan inovasi gedombak terhadap peningkatan penglibatan masyarakat.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan hasil dapatan kajian yang telah dikaji. Bab ini juga merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan, menggariskan penemuan utama yang ditemui melalui analisis kajian yang teliti. Hasil kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang persoalan dan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab sebelumnya. Di samping itu, gambaran keseluruhan dapatan kajian ini membentangkan penemuan utama atau trend yang dikenal pasti. Dapatan kajian melalui kaedah kualitatif mendedahkan aspek dan peranan penting yang tertentu. Keputusan ini mewujudkan asas untuk pemahaman mendalam mengenai objektif tertentu yang telah dikaji.

#### 4.2 MAKLUMAT INFORMAN

Encik Zainal Abiddin Bin Che Muda atau lebih gemar di sapa dengan panggilan Abe Lan merupakan penggiat seni yang telah lama berkecimpung dalam bidang pembuatan alat muzik tradisional. Abe Lan juga telah lama menceburi bidang pembuatan alat muzik iaitu sekitar 30 tahun. Sejak di bangku persekolahan lagi Abe Lan sangat berminat dalam bidang pembuatan alat muzik tradisional ini. Tambahan lagi, selama Abe Lan menceburi bidang pembuatan alat muzik ini, telah banyak alat muzik tradisional yang telah dihasilkan beliau. Antara alat muzik yang selalu mendapat tempahan ialah rebana, gendang dan gedombak.

#### **4.3 MENGKLASIFIKASIKAN INOVASI ALAT MUZIK TRADISIONAL GEDOMBAK DALAM MENINGKATKAN PENGLIBATAN MASYARAKAT**

Menurut sumber iaitu Zainal Abiddin, beliau mengatakan bahawa hasil daripada gedombak yang diinovasi ini telah terjual dalam lingkungan lima pasang iaitu terdiri daripada gedombak ibu dan anak. Tambahan lagi, permintaan untuk menghasilkan alat muzik gedombak ini sentiasa ada pada masanya. Oleh hal demikian, jelaslah bahawa terdapat minat dalam kalangan masyarakat akan alat muzik gedombak yang telah siap diinovasi.

Kajian ini dilakukan bagi menilai keberkesanan inovasi dalam alat muzik tradisional gedombak. Tambahan lagi, ianya merupakan langkah penting dalam memahami kesan inovasi alat muzik tradisional ini terhadap penglibatan masyarakat. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana inovasi gedombak dapat meningkatkan penglibatan masyarakat setempat. Dalam kajian ini, beberapa objektif khusus telah ditetapkan untuk memberikan tumpuan kepada pelbagai perkara yang berbeza.

Pertama sekali, kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan inovasi gedombak dalam meningkatkan minat dan penglibatan masyarakat setempat dalam seni dan budaya tradisional. Melalui pengumpulan data yang teliti, termasuk ulasan pendapat dan analisis data dalam acara kebudayaan dan penyelidikan ini akan menganalisis sejauh mana inovasi ini berjaya menarik perhatian orang ramai terhadap alat muzik tradisional yang diinovasi. Melalui analisis data yang

komprehensif, termasuk perkembangan ekonomi yang berkaitan dengan pengeluaran dan perdagangan alat muzik, serta peningkatan dalam industri kreatif berkaitan, kajian ini akan memberikan pandangan yang mendalam tentang bagaimana inovasi ini menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat tempatan.

Selain itu, Alat muzik tradisional gedombak ini telah melalui proses inovasi yang menghasilkan impak cukup besar sehingga memberi sumbangan positif kepada pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Inovasi ini bukan sahaja mengenai perubahan fizikal pada alat muzik, tetapi juga tentang cara instrumen ini diterima, dikaji dan dipelihara oleh masyarakat. Dalam konteks ini, keberkesanan alat muzik gedombak yang inovasi dapat dilihat dari beberapa sudut beberapa sudut yang sangat penting.

Inovasi dalam alat muzik gedombak telah memberi impak positif dalam meningkatkan kreativiti dan persembahan seni. Melalui perubahan dalam reka bentuk, bahan dan teknologi, alat ini telah menjadi medium yang lebih fleksibel untuk menyatakan idea baharu dalam seni persembahan tradisional. Artis boleh meneroka bunyi dan irama yang sebelum ini sukar dicapai, mencipta pengalaman artistik yang lebih kaya dan mendalam.

Di samping itu, inovasi ini membuka peluang untuk meluaskan jangkauan khalayak. Dengan memasukkan elemen baharu yang menarik, alat muzik gedombak dapat menarik perhatian generasi muda dan khalayak yang lebih luas. Dalam hal ini, inovasi bukan sahaja merangsang minat orang ramai terhadap seni tradisional, tetapi juga menjadikan persembahan ini relevan dalam konteks budaya

yang sentiasa berubah. Keberkesanan inovasi alat muzik gedombak juga dapat dilihat dari aspek ekonomi. Dengan menggunakan elemen inovatif, alat muzik ini boleh mendapat tarikan yang ketara dalam pasaran global. Peningkatan daya saing ini telah memberi kesan positif kepada ekonomi tempatan, mewujudkan peluang baharu untuk persembahan, kolaborasi artis, dan juga perdagangan alat muzik tradisional.

Selain itu, inovasi ini juga memperkayakan pengalaman pembelajaran dan pengajaran dalam muzik tradisional. Pendidik muzik boleh menggunakan alat muzik gedombak inovasi sebagai alat untuk mengajar nilai budaya, di samping mengekalkan intipati tradisi. Hal ini, akan mewujudkan persekitaran pendidikan yang dinamik dan relevan, di samping dapat memastikan pengetahuan tentang seni dan budaya tradisional dapat diteruskan dengan cara yang menarik dan berkesan kepada generasi akan datang. Inovasi dalam alat muzik gedombak memainkan peranan penting dalam memperbaharui dan mengekalkan warisan budaya. Tambahan lagi, dengan mencipta suasana baharu antara nilai tradisional dan elemen yang ada, inovasi ini membantu komuniti mengenali kemampunan dan kaitan warisan budaya mereka. Tambahan lagi, ianya bukan hanya tentang mengekalkan warisan budaya, tetapi juga tentang mencipta naratif baharu yang memberikan inspirasi untuk masa akan datang.

Keberkesanan alat muzik gedombak yang berinovasi bukan sahaja terhad kepada bidang seni, malah akan melibatkan penglibatan masyarakat, pembangunan ekonomi, pendidikan, dan pemeliharaan warisan budaya. Dengan terus menggalakkan inovasi seperti ini, orang ramai dapat mengekalkan kekayaan

budaya mereka sambil menyesuaikan diri dengan perubahan zaman lalu akan menjadikan alat muzik gedombak yang diinovasi sebagai sumber akan kreativiti dalam bidang inovasi pembuatan alat muzik tradisional.

Alat muzik tradisional gedombak telah melalui proses inovasi yang menyeluruh, ianya juga membuktikan keberkesanannya dalam membawa impak positif yang ketara terhadap kehidupan masyarakat. Tambahan lagi, inovasi ini bukan sahaja merangkumi perubahan terhadap paras rupa alat muzik itu sendiri, tetapi juga meluas ke aspek yang meluas, serta dapat mewujudkan penglibatan komuniti lebih mendalam terhadap pemeliharaan warisan budaya yang lebih jitu.

Dalam konteks seni persembahan, inovasi pada alat muzik gedombak mewujudkan landskap yang lebih dinamik dan kreatif. Tambahan lagi, dengan menyatupadukan elemen baharu dalam reka bentuk dan teknologi, alatan ini menjadi platform untuk ekspresi artistik yang pelbagai. Artis boleh meneroka bunyi, irama dan gaya baharu yang sebelum ini tidak boleh diakses, mewujudkan pengalaman persembahan yang lebih dinamik dan menarik untuk tontonan para penonton. Inovasi ini juga telah berkesan dalam meningkatkan kreativiti artistik dan merangsang minat orang ramai terhadap persembahan tradisional.

Selain itu, inovasi membuka pintu untuk meluaskan pemikiran masyarakat.

Tambahan lagi, dapat mengadaptasi alat muzik gedombak agar lebih sesuai dengan citarasa dan kegemaran khalayak masa kini, seni persembahan tradisional menjadi lebih relevan. Inovasi bukan sekadar memelihara warisan, tetapi juga menghidupkannya supaya dapat dinikmati oleh generasi muda dan masyarakat

yang lebih luas. Hal ini, berkesan dalam memperkaya pengalaman budaya rakyat dan mengekalkan kesinambungan seni tradisional.

Keberkesanan inovasi ini juga dilihat melalui konteks pendidikan dan pembelajaran. Inovasi dalam alat muzik gedombak membolehkan pengajar muzik menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan menarik. Alat yang lebih moden dan inovatif bukan sahaja membantu pelajar memahami nilai tradisional, tetapi juga membolehkan mereka mengalami kegembiraan dan semangat untuk seni muzik tradisional. Inovasi ini merangsang minat pelajar, memperkayakan proses pembelajaran, dan menjadikan seni tradisional lebih relevan dalam pendidikan masa kini.

Kepentingan inovasi juga dilihat dalam usaha memelihara warisan budaya. Hal ini, akan mewujudkan harmoni antara elemen tradisional dan inovatif, alat muzik gedombak terus berfungsi sebagai wakil kukuh identiti budaya sesebuah masyarakat. Inovasi ini membantu orang ramai mengenali dan meneruskan nilai mereka sementara masih menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Keberkesanan inovasi dalam hal ini bukan sahaja terletak pada pemuliharaan warisan, tetapi juga dalam mencipta impak suasana baharu yang boleh memberi inspirasi untuk masa hadapan.

Inovasi dalam alat muzik gedombak telah membawa kejayaan yang melibatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Di samping itu, daripada seni persembahan sehinggaalah aspek ekonomi, pendidikan dan pemeliharaan warisan budaya, alat muzik gedombak yang diinovasi memberi sumbangan penting dalam

meningkatkan dan mengekalkan kekayaan budaya sesebuah masyarakat. Tambahan lagi, penggalakkan inovasi seperti ini dapat memastikan warisan budaya dan kesenian tradisional kekal hidup dan relevan dalam menghadapi perubahan zaman.

Tradisi dan warisan budaya memainkan peranan penting dalam kehidupan penduduk tempatan. Tambahan lagi, gedombak merupakan sebahagian daripada warisan muzik tradisional, ianya sering dianggap sebagai simbol identiti budaya dan kebanggaan. Pada dasarnya, inovasi dalam gedombak perlu dijalankan dengan teliti dan mengambil kira nilai-nilai tradisi yang telah diterima oleh masyarakat.

Namun begitu, perubahan adalah sesuatu yang berterusan dalam kehidupan manusia. Masyarakat tempatan juga digalakkan untuk berinovasi dan membangun supaya dapat mencapai kejayaan yang jitu. Oleh hal demikian, inovasi pada gedombak boleh dilihat sebagai usaha memperkaya warisan budaya yang sedia ada, dan bukan untuk menggantikannya. Sebagai contoh, inovasi dalam bahan mentah atau reka bentuk dram boleh menambahkan kepelbagai dan fleksibiliti kepada penggunaan alat muzik ini.

Penerimaan inovasi juga banyak dipengaruhi oleh pendekatan yang diambil dalam menyampaikan perubahan kepada masyarakat. Proses ini mestilah bersifat inklusif dan kolaboratif, melibatkan pelbagai pihak yang mempunyai minat terhadap seni muzik tradisional. Masyarakat tempatan mesti diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan inovasi, supaya mereka dapat merasakan pemilikan dan penglibatan dalam proses tersebut.

